KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **3 MEI 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Stor haram diesel dalam kandang lembu diserbu

**Kangar:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis membongkar sindiket kegiatan penyelewengan diesel ke Thailand bernilai RM82,195.50 selepas menyerbu sebuah stor haram dalam sebuah kandang lembu di Padang Besar kelmarin.

Dalam serbuan Ops Tiris itu juga, tiga lelaki termasuk dua warga Thailand ditahan kerana cuba menyeludup keluar diesel berkenaan.

Pengarah KPDN Perlis, Norazah Jaapar, berkata serbuan dilakukan pada kira-kira jam 8 pagi hasil risikan dilakukan anggotanya sejak beberapa minggu lalu di kawasan itu.

"Dalam serbuan itu, kita menemui 330 liter diesel disimpan dalam empat tong drum dirampas dan menahan seorang lelaki warga tempatan berusia awal 40-an yang berada di stor itu.

"Siasatan awal mendapati lelaki itu mengaku orang yang bertanggungjawab ke atas stor berkenaan dan ketika serbuan juga, kita menemui dua kenderaan pikap bernombor pendaftaran Thailand yang dipercayai digunakan untuk menyeludup keluar diesel berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, pemeriksaan awal mendapati kedua-dua pikap itu dinaiki dua lelaki warganegara Thailand dan pemeriksaan pada pikap itu mendapati ia mempunyai tangki tambahan.

"Kita percaya kedua-dua pemandu berusia 30-an itu pergi ke lokasi terbabit untuk membeli diesel daripada stor berkenaan.

"Lelaki tempatan yang mengaku menjaga stor itu ditahan bagi membantu siasatan selepas gagal menunjukkan dan mengemukakan dokumen yang membenarkannya berurusan dengan barang kawalan, iaitu diesel daripada KPDN. Selain itu, dua pemandu warga Thailand yang berada di lokasi juga turut ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.

Norazah berkata, pihaknya turut merampas dua pikap yang mempunyai tangki tambahan dan diesel dengan anggaran 40 liter dalam tangki itu untuk siasatan lanjut.




*Penguat kuasa KPDN Perlis memeriksa bekalan diesel yang cuba diseleweng sindiket penyeludupan ke Thailand.* (Foto ihsan KPDN)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Stor seleweng diesel dalam kandang lembu

**PADANG BESAR** – Taktik licik seorang lelaki menjadikan sebuah kandang lembu sebagai stor simpanan diesel haram akhirnya tumpas dalam serbuan kelmarin.

Stor tersebut diserbu penguat kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam Ops Tiris kira-kira pukul 8 pagi.

Difahamkan bahan api itu untuk dijual kepada warga asing yang sering berulang-alik antara sempadan dua negara ini.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup negeri, Norazah Jaapar berkata, serbuan dilakukan hasil risikan penguat kuasa sejak beberapa minggu lalu.

"Ketika serbuan dilakukan, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 40-an berada di stor tersebut dan mengaku sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas stor berkenaan.

"Kita juga menemui dua kenderaan bernombor pendaftaran Thailand yang dinaiki dua lelaki, juga dari negara jiran," katanya di sini semalam.

Kata beliau, pemeriksaan awal mendapati kedua-dua kenderaan itu mempunyai tangki tambahan dan dua lelaki Thailand terbabit dipercayai pergi ke stor itu untuk membeli diesel.

"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas keseluruhan stor menemui kira-kira 330 liter diesel di dalam empat unit tong drum.

"Lelaki tempatan terbabit seterusnya ditahan bagi membantu siasatan setelah gagal mengemukakan sebarang dokumen yang membenarkannya berurusan dengan barang kawalan iaitu diesel daripada KPDN," ujarnya.

Menurutnya, dua warga asing terbabit turut ditahan untuk siasatan lanjut.

"KPDN akan sentiasa pantau ketirisan diesel ini," tegasnya.




SEORANG penguat kuasa KPDN memeriksa tong drum dalam stor haram di sebuah kandang lembu di Padang Besar kelmarin.

Harian Metro

HARI: JUMAAT

TARIKH: 3/5/2024

M/SURAT: 4

# Diesel dalam kandang

## *Sindiket seleweng diesel tumpas selepas stor haram diserbu*

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

**Kangar**

Sindiket penyelewengan diesel tumpas apabila sebuah stor haram dalam sebuah kandang lembu di Padang Besar, diserbu pihak berkuasa, kelmarin.

Dalam serbuan Ops Tiris itu, tiga lelaki termasuk dua warga Thailand ditahan kerana didapati cuba menyeludup keluar diesel dianggarkan bernilai lebih RM80,000 berkenaan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis Norazah Jaapar berkata, serbuan dilakukan jam 8 pagi hasil risikan sejak beberapa minggu lalu.

"Dalam serbuan berkenaan, kita merampas 330 liter diesel di dalam empat tong dram selain menahan seorang lelaki warga tempatan berusia awal 40-an yang berada di stor berkenaan.

"Siasatan awal suspek mengaku sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas stor berkenaan.

"Ketika serbuan, kita menemui dua pikap bernombor pendaftaran Thailand yang dipercayai digunakan untuk menyeludup keluar diesel berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.




PENGUATKUASA KPDN Perlis memeriksa bekalan diesel yang cuba diseleweng oleh sindiket penyeludupan ke Thailand dengan menjadikan sebuah kandang lembu di Padang Besar sebagai stor penyeludupan.

Katanya, pemeriksaan awal mendapati kedua-dua pikap itu yang dipandu oleh dua lelaki warganegara Thailand turut mempunyai tangki tambahan.

"Kita percaya kedua-dua pemandu berusia 30-an pergi ke lokasi itu untuk membeli diesel daripada stor berkenaan.

"Lelaki tempatan berkenaan ditahan bagi membantu siasatan apabila didapati gagal mengemukakan dokumen yang membenarkannya berurusan dengan barang kawalan iaitu diesel daripada KPDN.

"Selain itu, dua pemandu warga Thailand yang berada di lokasi juga turut ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.

> *"Dua pemandu warga Thailand yang berada di lokasi juga turut ditahan"*
> Norazah

Norazah berkata, pihaknya turut merampas kedua-dua pikap berkenaan untuk siasatan.

"Pemeriksaan ke atas dua pikap itu mempunyai tangki tambahan dan diesel dengan anggaran 40 liter dalam tangki tambahan turut disita untuk siasatan lanjut.

"Nilai keseluruhan rampasan di lokasi serbuan dianggarkan berjumlah RM82,195.50," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

Siasatan juga boleh dibuat mengikut Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLA-TFPUAA) 2011 bagi mana-mana orang yang melakukan kesalahan mengikut AKB 1961.

NEW STRAITS TIMES

HARI: JUMAAT
TARIKH: 3/5/2024
M/SURAT: 12

# 21 veterans receive aid at RIM dinner

THE Recording Industry Association of Malaysia (RIM) paid tribute to media and entertainment veterans at a charity dinner, themed Sumbangan Rahmah Industri Muzik 2024.

Supported by non-profit organisation Public Performance Malaysia (PPM), the dinner was attended by Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Ali and more than 50 artistes, musicians, entertainment journalists and television personalities.

It was held at the Pullman KLCC Hotel in Kuala Lumpur in conjunction with Hari Raya Aidilfitri. It aimed at reaching out to infirm industry members and those facing financial hardship.

The night also saw singer Ernie Zakri and pop group Dolla receiving special honours from RIM.

Ernie was honoured for her duet with Indonesian singer Govinda, titled 'Masing-Masing', which topped Indonesia's Gen 98.7FM radio chart.

Dolla was recognised for representing the country in China's reality talent show 'Show It All'.

"It's a great start to 2024 for me with this achievement," said Ernie.

"I plan to sing more duets with established and promising new singers from neighbouring countries.

"Working with the best makes me get out of my comfort zone and thrive as an international artiste," she added.

Meanwhile, Dolla's lead vocalist Sabrina Rusli said: "It's always an honour to perform overseas and be recognised for it.

"The three of us — Angel Chai, Tabby Lam and I — plus our former teammate Syasya Shahrizal are delighted with this honour."

RIM chairman Rosmin Hashim said its Sumbangan Rahmah Industri Muzik programme, launched on May 31 last year, is an expansion of their emergency fund, which was established to assist industry practitioners who had been struggling financially at the height of the Covid-19 pandemic.

"To date, the fund has helped 48 industry practitioners," he said, adding that RIM is going all out to assist the industry's many unsung heroes, both on-stage and off-stage.

Twenty-one veterans received financial aid, including singers Roy, Fredo, Isma Aliff, Azman Warren, To'Ki, Mel and Zydee Edris, musicians Shuib of Freedom, Lord Lokman, Raja Zainal of BPR and Iskandar of Spring, entertainment journalist Nas Ahmad and actor Cico Harahap.

Rosmin also called on the government to extend copyright protection to the heirs of deceased artistes to 70 years in line with international standards, instead of the current 50 years.

Armizan assured Rosmin that his ministry and the Communications Ministry are deliberating RIM's proposal.




*Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Ali (second from right) with Recording Industry Association of Malaysia chairman Rosmin Hashim (right) and girl group Dolla.*

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 3 MEI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 3-May | Beli diesel di kandang lembu | https://www.buletintv3.my/jenayah/beli-diesel-di-kandang-lembu/ | BULETIN TV3 |
| 3-May | KPDN bongkar kandang lembu jadi pusat seleweng diesel | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1241814/kpdn-bongkar-kandang-lembu-jadi-pusat-seleweng-diesel | BERITA HARIAN |
| 3-May | Sorok diesel subsidi dalam kandang lembu sebelum diseludup | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1085976/sorok-diesel-subsidi-dalam-kandang-lembu-sebelum-diseludup | HARIAN METRO |
| 3-May | KPDN TAHAN TIGA LELAKI DALAM SERBUAN STOR HARAM MINYAK DIESEL | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2293405 | BERNAMA |
| 3-May | KPDN serbu stor seleweng diesel dalam kandang lembu | https://www.kosmo.com.my/2024/05/02/kpdn-serbu-stor-seleweng-diesel-dalam-kandang-lembu/ | KOSMO |
| 3-May | Amal budaya kerja baharu 'balas' langkah berani PM naikkan gaji | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1241640/amal-budaya-kerja-baharu-balas-langkah-berani-pm-naikkan-gaji | BERITA HARIAN |
| 3-May | Restoran mamak sorok 717 kg minyak, tepung di asrama pekerja diserbu | https://malaysiagazette.com/2024/05/02/restoran-mamak-sorok-717-kg-minyak-tepung-di-asrama-pekerja-diserbu/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 3-May | Restoran nasi kandar dikenakan tindakan, simpan minyak masak | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/restoran-nasi-kandar-dikenakan-tindakan-simpan-minyak-masak | BERITA RTM |
| 3-May | Taktik restoran mamak pindah minyak peket ke botol | https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2024/05/taktik-restoran-mamak-pindah-minyak-peket-ke-botol/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 3-May | Restoran mamak sorok minyak peket dan tepung bersubsidi di asrama pekerja | https://www.buletintv3.my/nasional/restoran-mamak-sorok-minyak-peket-dan-tepung-bersubsidi-di-asrama-pekerja/ | BULETIN TV3 |
| 3-May | Dapatkan barangan asas murah di 10 cawangan Segi Fresh hujung minggu ini | https://selangorkini.my/2024/05/dapatkan-barangan-asas-murah-di-10-cawangan-segi-fresh-hujung-minggu-ini/ | SELANGOR KINI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT